



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELAN TINDAKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN WARGA EMAS

2023 - 2030

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

2023



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

© KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Diterbitkan pada tahun 2023 oleh Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Semua hak cipta terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa juga cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan / atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia

**Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga,
Kementerian Kesihatan Malaysia**

Aras 7-8, Blok E10, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

e ISBN 978-629-99332-4-3



9 786299 933243

ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar:

| | |
|--|----|
| Ketua Pengarah Kesihatan | 04 |
| Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) | 05 |
| Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga | 06 |

| | |
|-----------------------|----|
| Latar Belakang | 07 |
|-----------------------|----|

| | |
|-------------------|----|
| Pengenalan | 08 |
|-------------------|----|

| | | |
|-------|---|----|
| 2.1 | Epidemiologi Penuaan Penduduk | 09 |
| 2.2 | <i>The World Report On Ageing And Health: A Policy Framework For Healthy Ageing, 2015</i> | 10 |
| 2.3 | <i>The Global Strategy And Action Plan On Ageing And Health, WHO</i> | 12 |
| 2.4 | <i>United Nation, Decades Of Healthy Ageing: Plan Of Action 2021 - 2030</i> | 13 |
| 2.5 | <i>The Regional Action Plan On Healthy Ageing In The Western Pacific, 2020</i> | 14 |
| 2.6 | Dasar-Dasar Berkaitan Warga Emas | 15 |
| 2.6.1 | Takrifan Warga Emas | 15 |
| 2.6.2 | Dasar Warga Emas Negara Dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2011 | 15 |
| 2.6.3 | Dasar Kesihatan Warga Emas Negara 2008 | 15 |
| 2.7 | Agenda Negara Menua, Unit Pembangunan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) | 15 |
| 2.8 | Kertas Putih Kesihatan Malaysia | 16 |
| 2.9 | Pelan Strategik KKM 2021 - 2025 | 17 |
| 2.10 | Pencapaian Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas 2008 | 18 |

| | | |
|--------|--|----|
| 2.10.1 | Perkhidmatan Penjagaan Warga Emas Di Peringkat Penjagaan Kesihatan Primer | 18 |
| 2.10.2 | Perkhidmatan Penjagaan Perubatan Dan Pemulihan Warga Emas Peringkat Sekunder Dan Tertier | 22 |
| 2.10.3 | Promosi Dan Pendidikan Kesihatan Warga Emas | 23 |
| 2.10.4 | Penyelidikan Dan Pembangunan Dalam Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas | 24 |
| 2.10.5 | Kerjasama Antara Agensi-Agensi Dalam Penjagaan Kesihatan Warga Emas | 26 |
| 2.10.6 | Perundangan | 26 |
| 2.11 | Landskap Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas Masa Kini | 27 |

| | | |
|------------|---|----|
| 3.0 | Visi, Misi Dan Objektif PTPKWE 2023 - 2030 | 28 |
|------------|---|----|

| | | |
|-----|----------|----|
| 3.1 | Visi | 28 |
| 3.2 | Misi | 28 |
| 3.3 | Objektif | 28 |

| | | |
|------------|--|----|
| 4.0 | Teras Dan Strategi PTPKWE 2023 - 2030 | 30 |
|------------|--|----|

| | | |
|------------|------------------------|----|
| 5.0 | Indikator Utama | 32 |
|------------|------------------------|----|

| | | |
|------------|-------------------|----|
| 6.0 | Kesimpulan | 33 |
|------------|-------------------|----|

| | | |
|------------|--------------------|----|
| 7.0 | Penghargaan | 34 |
|------------|--------------------|----|

| | |
|---------|----|
| Rujukan | 38 |
|---------|----|

| | |
|----------|----|
| Lampiran | 39 |
|----------|----|

| | |
|-----------------------------------|----|
| Singkatan (<i>Abbreviation</i>) | 60 |
|-----------------------------------|----|

PRAKATA

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Setinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah kerana dengan limpah keizinan-Nya, Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas 2023-2030 berjaya diterbitkan. Penerbitan Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas 2023-2030 (PTPKWE 2023-2030) ini selaras dengan keperluan perubahan demografi penduduk Malaysia yang menuju ke arah Negara Tua pada tahun 2030.

Sejak Rancangan Malaysia ke-7, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperkenalkan Program Kesihatan Warga Emas dan perkhidmatan kesihatan warga emas terus dinamik memenuhi keperluan perubahan demografi penduduk yang pesat menuju ke arah penuaan.

“*Saya berharap PTPKWE 2023-2030 akan terus memberi impak yang memberangsangkan kepada kesejahteraan warga Malaysia terutamanya kepada perkhidmatan kesihatan warga emas*”

Dengan adanya PTPKWE 2023-2030 ini, ia akan memberi hala tuju yang lebih berkesan kepada pelaksanaan perkhidmatan kesihatan yang lebih holistik dan menyeluruh, dengan berteraskan 'Public Health Framework for Healthy Ageing, WHO' dan 'The United Nations Decade of Healthy Ageing (2021-2030)' serta seiring dengan Kertas Putih Kesihatan.

Saya berharap PTPKWE 2023-2030 akan terus memberi impak yang memberangsangkan kepada kesejahteraan warga Malaysia terutamanya kepada perkhidmatan kesihatan warga emas. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada semua yang terlibat dalam penggubalan PTPKWE 2023-2030.



Diharapkan pelan tindakan ini akan menjadi panduan dan titik tolak kepada merealisasikan 'Healthy And Active Ageing' di negara kita, Malaysia.

Selamat Maju Jaya.

Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

PRAKATA

TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)

“*Dengan harapan tinggi, Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas 2023-2030 dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan warga emas yang terbaik di Malaysia.*”

perkhidmatan kesihatan yang memenuhi keperluan masyarakat yang semakin menua, serta komprehensif merangkumi promotif, penjagaan pencegahan, kuratif, paliatif dan rehabilitatif melalui sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesinambungan dengan pendekatan 'whole government and whole societal approach' untuk menghadapi cabaran Negara Tua.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Penuaan penduduk adalah trend global masa kini yang berlaku disebabkan peningkatan jangka hayat seiring dengan kemajuan penjagaan kesihatan dan teknologi perubatan; serta penurunan kadar kesuburan. Malaysia juga mengalami perubahan fenomena yang serupa, dan ini memberi impak kepada perubahan demografi ke arah penuaan penduduk negara. Peningkatan peratusan populasi berumur 60 tahun ke atas itu bakal menjadikan Malaysia negara tua menjelang 2030. Perubahan ini memberi cabaran dan peluang kepada negara, dalam usaha memenuhi keperluan populasi yang semakin tua.

Menyedari kepentingan persediaan untuk menghadapi perubahan demografi ini, Kementerian Kesihatan Malaysia harus bersedia menyediakan

Dengan harapan tinggi, Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas 2023-2030 dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan warga emas yang terbaik di Malaysia.

Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kelancaran penghasilan pelan tindakan ini.

Datuk Dr Norhayati binti Rusli
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)

PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas mula diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai salah satu strateginya di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Program ini dimulai dengan Persidangan Penjagaan Kesihatan Warga Tua yang telah diadakan pada 12 hingga 15 Jun 1995. Sejurus itu, projek perintis perkhidmatan kesihatan warga emas dimulakan pada tahun 1996 di empat buah klinik kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Kuala Kedah (Daerah Kota Setar, Kedah), Klinik Kesihatan Parit Baru (Sabak Bernam, Selangor), Klinik Kesihatan Sungai Mati (Muar, Johor) dan Klinik Kesihatan Karak (Bentong, Pahang).



“ Adalah diharapkan dokumen ini memberikan hala tuju perkhidmatan kesihatan warga emas seiring dengan cabaran sedia ada dan pada masa hadapan. ”

Susulan itu, Pelan Tindakan Program Kesihatan Warga Tua telah disediakan pada tahun 1997. Pada tahun 2008, Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas 2008 bersama-sama dengan Dasar Kesihatan Warga Emas Negara 2008 dibangunkan. Selari dengan pemelesaian agenda penuaan sejagat dan perubahan kepada ekosistem kesihatan, Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas 2023-2030 pula dibangunkan sebagai penambahbaikan dan semakan semula Pelan Tindakan Kesihatan Warga Emas 2008.

PTPKWE 2023-2030 KKM ini merupakan kesinambungan dari PTPKWE 2008 dalam memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan warga

emas melalui pendekatan *Integrated Elderly Health Care* yang melibatkan komuniti, penjagaan kesihatan primer, sekunder dan tertier berserta kerjasama dan penyelarasan tindakan antara pelbagai kementerian, agensi.

Adalah diharapkan dokumen ini memberikan hala tuju perkhidmatan kesihatan warga emas seiring dengan cabaran sedia ada dan pada masa hadapan.

Akhir kata, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada proses penyediaan PTPKWE 2023-2030 ini.

Dr. Mohd Safie bin Ismail
Pengaruh
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan perkhidmatan kesihatan bagi warga emas sejak tahun 1996 sebagai salah satu daripada program *Expanded Scope Program* Kesihatan Keluarga. Objektif perkhidmatan ini adalah untuk membantu warga emas mencapai tahap kesihatan yang optimum melalui perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh serta bersepadu.

Dasar Kesihatan Warga Emas Negara pada 2008 memberi penekanan kepada pelaksanaan perkhidmatan kesihatan warga emas yang menggalakkan penuaan sihat melalui:



Pemeriksaan warga emas, keluarga dan komuniti dengan pengetahuan



Sokongan persekitaran yang membolehkan hidup berdikari (penuaan setempat).

la direalisasikan melalui penyertaan aktif warga emas dalam aktiviti promosi kesihatan dan pencegahan penyakit sepanjang hayat yang dilaksanakan melalui aktiviti promosi kesihatan warga emas seperti penubuhan Kelab Warga Emas. Perkhidmatan mesra warga emas turut diperkenalkan bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang mesra umur, saksama, mudah diperolehi, tidak mendiskriminasi gender, berkesinambungan serta komprehensif.

Berdasarkan dasar tersebut, PTPKWE 2023-2030 yang merupakan kesinambungan dari PTPKWE 2008 dibangunkan dan mengambilkira pendekatan Penuaan Sihat (*Healthy Ageing*) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam merancang kerangka perkhidmatan kesihatan yang komprehensif untuk warga emas di semua peringkat *intrinsic capacity* seiring dengan keperluan penjagaan kesihatan warga emas di peringkat penjagaan kesihatan primer, sekunder, tertier dan jagaan dalam komuniti.

Konsep "*Healthy Ageing*" ini menggariskan kerangka dan pendekatan kesihatan awam dalam jagaan kesihatan warga emas yang menasaskan tiga (3) kumpulan warga emas iaitu:

- mencapai tahap keupayaan yang optimum untuk hidup dengan sihat, aktif dan berdikari bagi warga emas yang sihat fizikal dan mental (*high and stable capacity*),
- mengekalkan kesihatan yang optimum bagi warga emas yang mengalami masalah kefungsiian (*declining capacity*), dan;
- mengekalkan maruah dan digniti warga emas yang terlantar atau bergantung sepenuhnya kepada orang lain (*significant loss of capacity*).

PTPKWE 2023-2030 memberi penekanan kepada perkhidmatan yang diberikan di klinik-klinik kesihatan yang merangkumi promosi dan pendidikan kesihatan, saringan dan penilaian kesihatan, pemeriksaan perubatan, kaunseling, rawatan dan rujukan, lawatan dan perawatan di rumah, pemulihan anggota dan cara kerja. Sebagai usaha menjadikan warga emas aktif aktiviti rekreasi, sosial dan kebajikan di perkenalkan dengan penubuhan Kelab Warga Emas di klinik kesihatan.

2.0 PENGENALAN

Pelan Tindakan Kesihatan Warga Emas 2023-2030 merupakan pelan tindakan hasil semak semula Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas 2008 dengan mengambil pendekatan terbaharu masa kini. Dengan perubahan landskap demografi penuaan penduduk yang pesat dan negara menuju ke arah Negara Tua pada tahun 2030, perkhidmatan kesihatan yang mencabar dan perubahan corak bebanan penyakit, perkhidmatan kesihatan kepada warga emas perlu bersedia menyokong perubahan ini melalui strategi yang praktikal dan mampan.

Asas kepada penghasilan PTPKWE 2023-2030 berdasarkan kepada saranan:


- 01 Epidemiologi Penuaan Penduduk
- 02 *The World Report on Ageing and Health: A Policy Framework for Healthy Ageing, 2015*
- 03 *The Global Strategy and Action Plan on Ageing and Health, WHO*
- 04 *United Nation, Decades of Healthy Ageing: Plan of Action 2021-2030*
- 05 *The Regional Action Plan on Healthy Ageing in the Western Pacific, WPRO 2020*
- 06 Dasar-dasar berkaitan Warga Emas:
 - Dasar Kesihatan Warga Emas Negara, 2008
 - Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara, 2011
- 07 Agenda Negara Menua diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Ekonomi
- 08 Kertas Putih Kesihatan Malaysia
- 09 Pelan Strategik KKM 2021-2025
- 10 Pencapaian Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas 2008
- 11 Landskap Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas Masa Kini

2.1 | EPIDEMIOLOGI PENUAAN PENDUDUK

Jumlah penduduk warga emas Malaysia meningkat secara berperingkat di mana pada tahun 1990 jumlah tersebut adalah 5.2% dan pada tahun 2016 meningkat kepada 9.3%. Pada dekad yang akan datang peningkatan jumlah warga emas akan berterusan dengan lebih pantas dan diunjurkan Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030.

Penuaan penduduk berlaku akibat daripada peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kesuburan dan kadar kematian. Purata jangka hayat penduduk pada tahun 1958 adalah 55.8 tahun dan telah meningkat kepada 72.5 tahun untuk lelaki dan 77.4 tahun untuk wanita dalam tahun 2015. Penurunan berterusan kadar kesuburan akan menyebabkan kekurangan tenaga kerja dan hakisan institusi keluarga pada masa hadapan.


Rajah 1 : Transisi Demografi Malaysia (1911 - 2022)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021

Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2023, seramai 7.4% populasi Malaysia adalah berumur melebihi 65 tahun dan ke atas.

Rajah 2 : Peratusan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Utama dan Negeri, Malaysia, 2023





Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024

2.2 | THE WORLD REPORT ON AGEING AND HEALTH: A POLICY FRAMEWORK FOR HEALTHY AGEING, 2015



Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mencadangkan perubahan pelaksanaan dasar dan polisi kesihatan dalam jagaan warga emas supaya selaras dengan cabaran-cabaran yang dihadapi berikutan penuaan penduduk dunia. Laporan "World Report on Ageing and Health" menyatakan penuaan penduduk memberikan peluang baharu yang memberikan manfaat kepada individu dan masyarakat sekiranya polisi dan pelaksanaan perkhidmatan yang tepat diwujudkan.

PTPKWE 2023-2030 yang disemak semula mengguna pakai pendekatan penuaan sihat yang diberi penekanan *Public Health Framework: Healthy Ageing and Lifecycle* yang menasarkankan 3 kumpulan warga emas untuk membentuk pelan tindakan iaitu:



Sumber: The World report on ageing and health: a policy framework for healthy ageing, 2015

2.3 | THE GLOBAL STRATEGY AND ACTION PLAN ON AGEING AND HEALTH, WHO

Pelan tindakan strategik ini bertujuan:



Mewujudkan tindakan berasaskan bukti untuk memaksimumkan kemampuan berfungsi yang menjangkau setiap orang.



Mewujudkan bukti dan perkongsian yang diperlukan menjelang 2030 untuk menyokong *Decade of Healthy Ageing* dari tahun 2021 hingga 2030

Ia merupakan satu langkah yang penting dalam mewujudkan kerangka kerja untuk Negara Anggota, Sekretariat WHO dan rakan-rakan berwawasan agar semua orang dapat menjalani kehidupan yang panjang dan sihat. Ia memfokuskan pada:


5 OBJEKTIF STRATEGIK:

- 01 Komitmen untuk bertindak mengenai Penuaan Sihat di setiap negara;
- 02 Membangunkan persekitaran yang sesuai dengan usia;
- 03 Menyelaraskan sistem kesihatan dengan keperluan populasi yang lebih tua;
- 04 Membangunkan sistem yang lestari dan adil untuk menyediakan penjagaan jangka panjang (rumah, komuniti, institusi);
- 05 Meningkatkan pengukuran, pemantauan dan penyelidikan mengenai Penuaan Sihat

2.4 | UNITED NATION, DECADES OF HEALTHY AGEING: PLAN OF ACTION 2021 - 2030



United Nation, Decades of Healthy Ageing: Plan of Action 2021-2030 dibangunkan di atas komitmen global yang menyeru tindakan ke atas penuaan sihat berdasarkan strategi *The Global Strategy and Action Plan on Ageing and Health, WHO*




2.5 | THE REGIONAL ACTION PLAN ON HEALTHY AGEING IN THE WESTERN PACIFIC, 2020

Pembangunan pelan tindakan ini juga bertepatan dengan pelancaran *United Nation, Decades of Healthy Ageing: Plan of Action 2021-2030*, yang disahkan oleh WHO pada Ogos 2020 bertujuan untuk menyokong warga emas yang sihat berkembang maju dan menyumbang dalam masyarakat.

Pelan tindakan memberi tumpuan kepada transformasi kesihatan dan sosial untuk membolehkan orang ramai menua dalam kesihatan yang baik, menerima sokongan komuniti yang disesuaikan dan menyumbang secara bermakna dalam masyarakat sepanjang hayat mereka, melalui lima objektif yang digariskan:

Five Objectives for Achieving The Vision of Healthy Ageing



Sumber: *The Regional Action Plan on Healthy Ageing in the Western Pacific, 2020*

2.6 | DASAR-DASAR BERKAITAN WARGA EMAS

2.6.1 Takrifan Warga Emas

Warga emas ditakrifkan kepada mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas. Takrifan ini telah diambil oleh kerajaan Malaysia menurut "*World Assembly on Ageing, 1982*" di Vienna, dalam urusan berkaitan di bawah pengawal seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) [Rujukan KPWKM.600-2/4/38 Jld. 3(28)] bertarikh 24 September 2018.

2.6.2 Dasar Warga Emas Negara Dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2011

Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah proaktif dalam menangani isu penuaan penduduk dengan pengwujudan Dasar Warga Emas Negara, yang mengembeling peranan dan kerjasama intersektoral dalam penyediaan perkhidmatan jagaan warga emas. Pernyataan utama dasar ini adalah merupakan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas dalam pembangunan negara.

Dasar ini telah diwujudkan sejak tahun 2008 selaras dengan Deklarasi di *Vienna International Plan Of Action on Ageing 1982 (First U.N. World Assembly on Ageing)* yang mengiktiraf warga emas sebagai warganegara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman, mempunyai hak untuk menikmati kehidupan sejahtera, dihormati dan boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara. Dasar ini mentakrifkan perkataan kesejahteraan yang merangkumi 5 dimensi utama iaitu dimensi kesihatan (penuaan sihat), sosial (penuaan aktif), ekonomi (penuaan produktif), kerohanian (penuaan positif) dan persekitaran (penuaan menyokong).

2.6.3 Dasar Kesihatan Warga Emas Negara 2008

Pernyataan dasar ini adalah 'memastikan penuaan yang sihat, aktif dan produktif dengan memperkasakan warga emas, keluarga dan komuniti dengan pengetahuan, kemahiran dan persekitaran yang sewajarnya; serta menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang optima di semua peringkat oleh pelbagai sektor'.

Strategi yang dinyatakan dalam dasar adalah:


- Promosi kesihatan
- Menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif dan berkesinambungan
- Perancangan dan pembangunan sumber manusia
- Sistem rangkaian maklumat
- Penyelidikan dan pembangunan
- Kerjasama antara agensi dan sektor

2.7 | AGENDA NEGARA MENUA, UNIT PEMBANGUNAN EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI (EPU, JPM)

Memandangkan Malaysia memerlukan pelan tindakan yang menyediakan hala tuju komprehensif dengan penglibatan intersektoral sebagai persediaan menjadi negara tua menjelang 2030, Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) bersetuju agar mekanisme mengurus perdana agenda negara menua dan satu rangka tindakan Agenda Negara Menua yang akan diselaraskan EPU JPM disediakan.

2.8 | KERTAS PUTIH KESIHATAN MALAYSIA

Kertas Putih Kesihatan Malaysia bertujuan untuk mereformasi sistemik dan struktural sistem kesihatan negara bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan Rakyat, dengan menangani cabaran termasuk perubahan demografi, serta memastikan sistem kesihatan lebih saksama, mampan dan berdaya tahan.




Sumber: Kertas Putih Kesihatan - Kerangka Reformasi Sistem Kesihatan Negara

2.9 | PELAN STRATEGIK KKM 2021 - 2025

Pelan Strategik KKM 2021-2025 merupakan sebuah dokumen yang dirangka untuk dilaksana dan dipantau selama lima tahun selaras dengan tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas. Objektif Pelan Strategik KKM adalah sebagai garis panduan kepada pelbagai program dan bahagian di KKM serta untuk menetapkan hala tuju KKM bagi tempoh tersebut.

Terdapat empat objektif strategik, empat teras strategik dan dua belas strategi yang telah dikenal pasti bagi Pelan Strategik KKM 2021-2025:

KERANGKA PELAN STRATEGIK KKM 2021 - 2025



Mengikut Teras 1 Strategi 4: Pelan strategik ini memperkukuh program penjagaan kesihatan untuk warga emas Malaysia bagi menangani isu penuaan penduduk serta menambah baik program penjagaan kesihatan warga emas. Antara Inisiatif yang diambil:



2.10 | PENCAPAIAN PELAN TINDAKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN WARGA EMAS 2008

PTPKWE 2008 telah menggariskan wawasan mempromosikan penuaan sihat, aktif dan produktif dengan memperkasakan warga emas, keluarga dan komuniti dengan pengetahuan, kemahiran dan persekitaran yang sewajarnya; serta penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang optimum di semua peringkat dan oleh pelbagai sektor.

Pelan tindakan tersebut telah dibangunkan berdasarkan kepada Dasar Kesihatan Warga Emas Negara 2008 yang memberi keutamaan kepada penyediaan perkhidmatan kesihatan supaya tahap kesihatan yang optimum dapat dicapai oleh warga emas. Antara pencapaian utama bagi PTPKWE 2008 adalah:


2.10.1 Perkhidmatan Penjagaan Warga Emas di peringkat Penjagaan Kesihatan Primer

Perkhidmatan kesihatan warga emas di peringkat penjagaan kesihatan primer dilaksanakan secara komprehensif merangkumi skop perkhidmatan kesihatan promotif, pencegahan, rawatan, rehabilitasi dan paliatif. Ia juga meliputi pendaftaran dan perprofilan warga emas, saringan kesihatan dan penubuhan Kelab Warga Emas.

a. Pendaftaran dan perprofilan Warga Emas

Pendaftaran dan perprofilan Warga emas dilaksanakan untuk membantu anggota kesihatan memberi perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh kepada warga emas berdasarkan kawasan operasi klinik kesihatan. Kementerian Kesihatan telah mensasarkan sekurang-kurangnya 85% daripada populasi Warga Emas di Malaysia didaftarkan dari tahun 2008 hingga 2025. Sehingga tahun 2022, seramai **2,832,780 (83.1% daripada populasi)** Warga Emas didaftarkan. Pendaftaran dan perprofilan Warga emas membolehkan program dan aktiviti kesihatan berfokus kepada keperluan kesihatan warga emas setempat secara lebih efektif.


Rajah 3 : Tren Peratus Warga Emas yang didaftarkan (dari tahun 2014 - 2022)



b. Saringan kesihatan Warga Emas

Saringan kesihatan warga emas adalah aktiviti pencegahan dan intervensi awal menggunakan Borang Saringan Status Kesihatan di klinik kesihatan. Setiap tahun, disasarkan sekurang-kurangnya 5% daripada populasi Warga Emas disaring.

Rajah 4 : Bilangan dan Peratus Warga Emas yang disaring dalam populasi mengikut tahun (2011 - 2022).




Bagi warga emas yang didapati berisiko semasa saringan, intervensi awal diberikan oleh anggota kesihatan.

c. Penubuhan Kelab Warga Emas

Salah satu intervensi komuniti untuk kelangsungan penglibatan masyarakat dalam aktiviti penjagaan warga emas adalah penubuhan Kelab Warga Emas. Ia dianjurkan agar setiap daerah mempunyai sekurang-kurangnya satu Kelab Warga Emas. Penubuhan kelab sedemikian ini sangat digalakkan kerana ia dapat menyediakan ruang dan persekitaran kepada warga tua agar terus aktif dalam masyarakat. Penubuhan Kelab Warga Emas akan terus diberi perhatian khusus dalam mempromosikan aktiviti-aktivitinya dan seterusnya menggalakkan penambahan bilangan kelab tersebut. Aktiviti-aktiviti kelab juga digalakkan berkolaborasi dengan badan-badan bukan kerajaan.

Rajah 5 : Bilangan Kelab Warga Emas (2008 - 2022)



d. Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas di Klinik Desa (KD)

Perkhidmatan ini bertujuan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan jagaan kesihatan kepada populasi warga emas menggunakan pendekatan "Community Based Primary Healthcare" dengan memperkukuhkan fungsi KD dan skop tugas Jururawat Masyarakat (JM). KD yang mempunyai kedatangan kurang 15 orang sehari dan mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) orang JM yang tetap dipilih untuk melaksanakan perkhidmatan ini.

Objektif pelaksanaan adalah:

- Mengoptimum sumber sedia ada dengan meluaskan fungsi dan pelbagaikan tugas (*multitasking*) anggota JM.
- Meningkatkan status kesihatan dan keupayaan fungsi (*functional ability*) warga emas dalam komuniti sejajar dengan kerangka kerja kesihatan awam iaitu penuaan sihat.
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran semua lapisan anggota kesihatan dalam bidang geriatrik sejajar dengan penuaan negara.

Warga emas dalam kawasan operasi hendaklah didaftarkan dan disaring untuk risiko kesihatan oleh JM. Semua warga emas yang dikenal pasti mempunyai risiko diberi intervensi awal sebelum dirujuk kepada Klinik Kesihatan untuk pengurusan selanjutnya.

Projek rintis telah dimulakan pada Julai 2019, di mana melibatkan sebanyak 126 KD di Perak (72 KD) dan di Pahang (54 KD). Pada tahun 2020 hingga 2022, program ini diperluaskan ke negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu dan Melaka.

Jumlah keseluruhan KD yang terlibat pada tahun 2022 adalah 265 buah Klinik Desa.

e. Perkhidmatan Rehabilitasi di Klinik Kesihatan


Perkhidmatan rehabilitasi (fisioterapi dan terapi carakerja) bagi kesihatan warga emas berfokus kepada menilai tahap ketidakupayaan, menghalang atau mengoptimumkan ketidakupayaan dan memperkasakan warga emas yang tidak berupaya untuk beradaptasi dengan ketidakupayaan bagi meningkatkan kualiti hidup mereka. Perkhidmatan ini juga selaras dengan pendekatan penuaan sihat di mana warga emas yang mengalami kemerosotan kefungsi dibantu untuk mengekalkan kesihatan yang optimum.

Dapatan kajian NHMS 2018 menunjukkan masalah ketidakupayaan juga tinggi di kalangan warga emas di mana kadar ketidakupayaan untuk melakukan aktiviti harian (*Activities of Daily Living-ADL*) adalah 17 peratus dan kadar IADL (*Instrumental Activities of Daily Living*) adalah 41.9 peratus. Indikator pencapaian bagi perkhidmatan ini mula dipantau sejak tahun 2017. Pada tahun 2022, seramai 3,904 (88.91 peratus) warga emas disaring yang berisiko jatuh bertambah baik selepas intervensi fisioterapi selama 3 bulan. Manakala 476 daripada 483 (98.55 peratus) warga emas didapati mempunyai peningkatan ADL selepas menjalani intervensi pemulihan carakerja selama 3 bulan.

f. Perkhidmatan Jangkau Luar (*Outreach*) Kesihatan Warga Emas di Komuniti

Perkhidmatan kesihatan kepada warga emas di institusi dan warga emas terlantar di rumah adalah selaras dengan konsep penuaan sihat iaitu warga emas yang mengalami masalah kefungsi dan yang terlantar atau bergantung sepenuhnya kepada orang lain dibantu untuk mengekalkan maruah dan digniti warga emas tersebut dengan penyediaan penjagaan kesihatan. Seramai 12,400 (95 peratus) warga emas di institusi dan 2,985 (98 peratus) warga emas yang terlantar di rumah telah disaring dan dirawat pada tahun 2022.

Rajah 6 : Trend Saringan Kesihatan kepada Warga Emas di Institusi dan Warga Emas Terlantar di Rumah, 2018 - 2022



2.10.2 Perkhidmatan Penjagaan Perubatan dan Pemulihan Warga Emas Peringkat Sekunder dan Tertier

Perkhidmatan rawatan penyakit akut dan pesakit dalam disediakan di semua hospital di seluruh negara di bawah Jabatan Perubatan. Beberapa buah hospital telah mewujudkan Unit Geriatrik dan wad geriatrik khusus dengan penempatan Pakar Perubatan Geriatrik dan pasukan pelbagai disiplin (*multidisciplinary team*) yang memberikan perkhidmatan komprehensif perawatan klinikal warga emas. Wad Geriatrik pertama di hospital ditubuhkan di Pusat Perubatan Universiti Malaya pada tahun 1999 dan diikuti dengan Hospital Kuala Lumpur pada tahun 2003. Skop perkhidmatan ini merangkumi promosi, saringan, rawatan, pemulihan dan paliatif yang disampaikan di peringkat sekunder dan tertier. KKM juga menyediakan perkhidmatan "*visiting specialist*" di mana Pakar Perubatan Geriatrik dari hospital utama melakukan lawatan berkala ke hospital daerah untuk kesinambungan perkhidmatan kesihatan warga emas.

Perubatan Geriatrik adalah satu bidang subkepakaran perubatan am yang berkaitan dengan aspek-aspek klinikal, pencegahan, penyembuhan dan sosial warga emas. Matlamat penjagaan geriatrik ialah membantu mengembalikan seseorang yang kurang upaya atau mengalami penyakit mencapai keupayaan kebolehan sendiri semaksimal dan sebaik mungkin membolehkan mereka menjalani kehidupan yang berdikari di rumah. Pada tahun 2022, terdapat 60 orang Pakar Perubatan Geriatrik di Malaysia di mana 33 orang pakar bertugas di hospital KKM, 13 orang pakar bertugas di Kementerian Pengajian Tinggi dan 14 orang pakar lagi berkhidmat di Hospital Swasta.

Psiko geriatrik ialah cabang psikiatri dan kesihatan mental untuk mengendalikan masalah kesihatan mental warga emas. Ia juga merawat pesakit yang mempunyai masalah penyakit mental kronik yang menjangkau usia selepas 60 tahun dan ke atas. Pada tahun 2022, terdapat 14 orang Pakar Psiko geriatrik di mana 9 orang pakar bertugas di hospital KKM, 3 orang pakar bertugas di Kementerian Pengajian Tinggi dan 2 orang pakar lagi berkhidmat di Hospital Swasta.

Berdasarkan kepada statistik pada tahun 2017, sebanyak 17% kemasukan pesakit dalam dan 20% kedatangan pesakit luar di hospital-hospital di bawah KKM adalah merupakan warga emas. Dianggarkan seramai 40% daripada pesakit adalah dari kes-kes di kepakaran Perubatan dan subkepakarannya.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga mempunyai perancangan untuk memperluaskan perkhidmatan ini ke semua hospital utama KKM secara berfasa bergantung kepada sumber kepakaran Pakar Perubatan yang terhad.

Mengikut unjuran yang dijalankan oleh Malaysian Society of Geriatric Medicine dengan sasaran 0.5 hingga 0.85 Pakar Perubatan Geriatrik kepada 10,000 orang warga emas, Malaysia memerlukan seramai dijangka memerlukan lebih dari 340 Pakar Perubatan Geriatrik pada tahun 2030.

2.10.3 Promosi dan Pendidikan kesihatan Warga Emas


a. Promosi Kesihatan Warga Emas

Aktiviti mempromosikan Kesihatan Sihat dan Aktif untuk Warga Emas telah diteruskan melalui pelbagai bahan promosi dicetak dan diedarkan di fasiliti primer. Bahan-bahan pendidikan dan promosi ini juga dimuat naik dalam laman web (<https://hq.moh.gov.my/bpkk/index.php/pages/orang-awam/kesihatan-warga-emas.html>) untuk rujukan umum. Bahan-bahan promosi juga turut dimuat naik dalam media elektronik dan media sosial. Hari Warga Emas disambut pada bulan Oktober setiap tahun di pelbagai peringkat.

b. Latihan kepada Anggota Kesihatan dan Penjaga Warga Emas

Dalam meningkatkan kemahiran di kalangan penjaga warga emas dan anggota kesihatan di fasiliti kesihatan, latihan dijalankan di pelbagai peringkat, menggunakan bahan-bahan latihan (<https://hq.moh.gov.my/bpkk/index.php/pages/orang-awam/kesihatan-warga-emas.html>).

Rajah 7 : Trend Bilangan (Kumulatif) Anggota Kesihatan Dan Penjaga Warga Emas Yang Diberi Latihan Dalam Penjagaan Kesihatan Warga Emas (Tahun 2014 - 2022)



Pelbagai garis panduan, manual dan panduan berkaitan dengan penjagaan warga emas dibangunkan untuk kegunaan anggota kesihatan dan orang awam untuk dijadikan panduan dan rujukan dalam melaksanakan perkhidmatan kesihatan warga emas. Bahan-bahan penerbitan ini boleh diperolehi dari laman web (<https://hq.moh.gov.my/bpkk/index.php/pages/orang-awam/kesihatan-warga-emas.html>). *Clinical Practice Guideline: Management of Dementia (3rd Edition)* telah diterbitkan untuk rujukan pengendalian masalah dementia yang sering dihadapi oleh warga emas; dan boleh diakses melalui laman web (<https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/3962>).


c. Pos basik Perawatan Gerontologi / Diploma Lanjutan Perawatan Gerontologi

Bahagian Pengurusan Latihan, KKM juga telah memperkenalkan latihan Pos Basik Perawatan Gerontologi sejak tahun 2004 hingga 2010. Latihan pos basik ini telah ditambah baik kepada Diploma Lanjutan Perawatan Gerontologi dan mula mengambil penuntut pada tahun 2011. Sehingga tahun 2019, seramai 120 anggota kesihatan mempunyai Pos Basik Perawatan Gerontologi dan 223 orang anggota kesihatan mempunyai Diploma Lanjutan Perawatan Gerontologi. Anggota kesihatan yang terlatih ini ditempatkan di fasiliti kesihatan dan hospital.

2.10.4 Penyelidikan dan pembangunan dalam Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas

Penyelidikan dalam kesihatan warga emas dijalankan di peringkat universiti dari pelbagai sudut sosial, mental, fizikal dan spiritual. Pada tahun 2018, Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan Tinjauan Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (*National Health Morbidity Survey*) mengenai Kesihatan Warga Emas (*NHMS 2018: Elderly Health*). Kajian ini bertujuan memberi data berasaskan bukti tentang profil status kesihatan warga emas berumur 60 tahun ke atas di Malaysia, agar dapat digunakan untuk mengkaji semula keutamaan dan program kesihatan negara, serta perancangan untuk peruntukan sumber untuk penjagaan kesihatan warga tua. Hasil *NHMS 2018: Elderly Health* dapat dilihat pada Rajah 8.

Rajah 8 : Kedapatan NHMS 2018: Elderly Health



2.10.5 Kerjasama Antara Agensi-agensi dalam Penjagaan Kesihatan Warga Emas

Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Institut Gerontologi Universiti Putra Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, badan-badan kerajaan lain, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan pelbagai badan bukan kerajaan dalam membentuk polisi, penyelidikan, garis panduan, perkhidmatan dan untuk kesejahteraan kesihatan warga emas.

2.10.6 Perundangan

Sebelum tahun 2019, perundangan Malaysia berkaitan dengan penjagaan warga emas di institusi, bergantung kepada dua (2) akta iaitu:

- Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506), berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang menekankan penjagaan termasuk perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan.
- Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586), berada di bawah bidang kuasa KKM dan mengawal perkhidmatan penjagaan kesihatan atau perkhidmatan berkaitan kesihatan seperti rumah jagaan kejururawatan swasta.

Kedua-dua akta ini memperuntukkan jagaan untuk semua peringkat umur.

Kebanyakan pusat jagaan yang didaftar di bawah Akta 506 terpaksa memberi penjagaan kesihatan terutamanya kepada golongan warga emas walaupun tiada peruntukan khusus daripada segi penjagaan kesihatan.

KKM telah bekerjasama rapat dengan KPWK, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Institut Gerontologi Universiti Putra Malaysia serta Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam menggubal Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 (Akta 802) la digubal untuk mengawal selia pusat penjagaan warga emas swasta agar mutu penjagaan kesihatan penghuni terpelihara. Akta ini akan berkuat kuasa setelah peraturan-peraturannya disediakan dan dipersetujui oleh semua pihak terlibat.

Akta ini menetapkan standard minimum untuk petugas di pusat jagaan bagi memastikan mereka kompeten. Petugas ini akan dilatih berdasarkan kepada modul yang disediakan oleh KSM. Ia memastikan perkhidmatan yang mudah dan mampu diperolehi, berkesinambungan serta lestari. Ia juga menjamin integriti dan maruah warga emas bagi memastikan kesejahteraan mereka selaras dengan Dasar Warga Emas Negara tahun 2011.

2.11 | LANDSKAP PERKHIDMATAN KESIHATAN WARGA EMAS MASA KINI



Klinik Kesihatan (1076 fasiliti):

Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas
Kelab Warga Emas (264 kelab)

01

02

Klinik Desa:

Menyediakan Perkhidmatan Kesihatan
Warga Emas (431 fasiliti)



Hospital:

- Hospital Rehabilitasi (1)
- Hospital Berpakar Geriatrik (15)
- Hospital tanpa Pakar Geriatrik yang dilawati oleh Pakar Geriatrik (21)

03

04

Jangkau Luar:

- Pemeriksaan kesihatan warga emas dan intervensi risiko dalam komuniti
- Perkhidmatan Perawatan Domisili (438 pasukan)
- Penjagaan Paliatif (337 pasukan)
- Penjagaan Kejururawatan di Rumah
- Lawatan Institusi/Pusat Penjagaan Warga Emas



Disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, 2023

3.0 VISI, MISI DAN OBJEKTIF PTPKWE 2023-2030

3.1 Visi

Kearah penuaan sihat dan kehidupan berkualiti

3.2 Misi

Meningkatkan tahap kesihatan dan mengurangkan risiko kesihatan warga emas dengan meningkatkan akses dan ekuiti dalam perkhidmatan kesihatan

3.3 Objektif


Mempromosikan Penuaan sihat dan aktif dalam kalangan warga emas melalui pemerksaan warga emas, keluarga dan komuniti dengan pengetahuan, kemahiran dan persekitaran yang menyokong penuaan aktif dan sihat; serta menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas yang optimum di setiap peringkat perkhidmatan kesihatan melalui:



4.0 TERAS DAN STRATEGI PTPKWE 2023 - 2030

Memandangkan kefungsihan warga emas berbeza mengikut individu yang melingkupi spektrum kefungsihan tinggi dan stabil (*high and stable capacity – Independent*) ke kehilangan kefungsihan (*significant loss of capacity – Dependent*); satu rangka kerja dibangunkan bagi memastikan perkhidmatan kesihatan warga emas yang optima boleh diakses oleh warga emas tanpa mengira tahap kefungsihan dan secara menyeluruh di semua peringkat – di komuniti, tempat tinggal, perkhidmatan kesihatan primer, tertiary atau pun di pusat jagaan.

Rangka kerja PTPKWE 2023 - 2030:



Fokus Utama dan strategi yang dibangunkan berteraskan Rangka kerja PTPKWE 2023 - 2030:

| TERAS 1 | TERAS 2 | TERAS 3 | TERAS 4 | TERAS 5 |
|---|---|--|--|---|
| Pemeriksaan Penuaan Sihat Komuniti | Memperkuhkan Penjagaan Kesihatan Warga Emas Berterusan | Meluaskan Kebolehcapaian Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas | Menggalakkan Penyelidikan dan Pembangunan Kesihatan Warga Emas | Memperkuhkan Pemantauan dan Penilaian |
| Fokus Strategi: | Fokus Strategi: | Fokus Strategi: | Fokus Strategi: | Fokus Strategi: |
| Mempromosi penuaan sihat secara holistik berdasarkan status kependudukan negara dan kesihatan rakyat | Memperkuhkan sistem kesihatan berteraskan kesihatan sepanjang hayat dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan menyokong penuaan sihat dan memperkasakan penjagaan sendiri | Meluaskan kebolehcapaian rakyat untuk mendapat perkhidmatan kesihatan warga emas | Menggalakkan penglibatan KKM atau agensi lain dalam penyelidikan 'evidence base' dan inovasi teknologi kesihatan bagi warga emas | Memperkuhkan sistem pemantauan dan penilaian program kesihatan warga emas |
| Strategi: | Strategi: | Strategi: | Strategi: | Strategi: |
| 1 Memantapkan promosi dan advokasi pembudayaan hidup sihat dalam kalangan warga emas kepada masyarakat | 1 Memperkuhkan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif merangkumi promotif, pencegahan, rawatan, rehabilitasi dan paliatif (<i>primary to tertiary</i>) | 1 Memantapkan <i>Universal Health Coverage</i> | 1 Menjalankan kajian dan penyelidikan berdasarkan "Evidence Based" dalam bidang kesihatan warga emas dan penuaan | 1 Menjalankan pemantauan dan penilaian perkhidmatan kesihatan warga emas |
| 2 Memperkasakan warga emas untuk kekal sihat dalam komuniti dengan aktiviti pencegahan dan penjagaan diri (<i>self care</i>) | 2 Memperluaskan peranan anggota Jururawat Masyarakat di Klinik Desa untuk melaksanakan perkhidmatan jagaan warga emas dalam komuniti | 2 Persekitaran yang mesra umur (<i>Aged-friendly environment</i>) | | |
| 3 Memperkasakan warga emas sebagai agen perubahan kepada masyarakat setempat | 3 Memantapkan perkhidmatan kesihatan di institusi penjagaan warga emas | | | |
| 4 Memperkasakan peranan <i>community care coordinator</i> (Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah - JKM) untuk pemantauan dan pengurusan kesihatan warga emas dalam komuniti | 4 Merancang sumber manusia kesihatan yang berpengetahuan dan cekap dalam penjagaan kesihatan warga emas (<i>capacity building</i>) | | | |
| 5 Mewujudkan integrasi perkhidmatan sosial dan kesihatan warga emas dalam komuniti. | 5 Melatih penjaga warga emas informal kaedah jagaan warga emas terlantar dan mempunyai masalah kesihatan kronik | | | |
| Indikator Teras: | Indikator Teras: | Indikator Teras: | Indikator Teras: | Indikator Teras: |
| Perkhidmatan kesihatan komuniti berintergrasi dibangunkan | Perkhidmatan kesihatan warga emas yang holistik melalui Penjagaan Warga Emas Berintergrasi (<i>Integrated Care for Older Person - ICOPE</i>) dilaksanakan | Peningkatan akses perkhidmatan kesihatan di kalangan warga | Peningkatan bilangan kajian dan penyelidikan berkaitan kesihatan warga emas dan penuaan | Laporan akhir pencapaian PTPKWE 2023-2030 disediakan |

* Aktiviti bagi setiap strategi dinyatakan dalam lampiran.

5.0 INDIKATOR UTAMA

Dalam memastikan PTPKWE 2023-2030 mencapai misi dan objektifnya; beberapa indikator utama dibangunkan selari dengan cadangan WHO, berikut adalah keberhasilan indikator yang akan dipantau:

| Aktiviti | Tanggungjawab | Indikator | Sasaran | Tempoh Pelaksanaan |
|--|--|---|---|--------------------|
| Meningkatkan tahap kesihatan warga emas | <ul style="list-style-type: none"> • KKM • Pelbagai kementerian | Perbezaan (bilangan tahun) di antara <i>Life Expectancy at Birth dengan Healthy Life Expectancy at Birth (HALE)</i> | Sekurang-kurangnya tiada peningkatan | Sehingga 2030 |
| Meningkatkan kapasiti kefungsiian warga emas (Indikator WHO - <i>Decade of Healthy Ageing</i>) | <ul style="list-style-type: none"> • KKM • KPWKM • JKM • Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) | ADL dan IADL di kalangan Warga Emas | Sekurang-kurangnya tiada pengurangan ADL dan IADL (mengikut dapatan kajian) | 2025 - 2030 |
| Mewujudkan penjagaan kesihatan warga emas menyeluruh (kesihatan dan sosial) (Indikator WHO - <i>Decade of Healthy Ageing</i>) | <ul style="list-style-type: none"> • KKM • Pelbagai kementerian | Pengwujudan penjagaan warga emas berintegrasi (<i>Integrated Care for Older Person - ICOPE</i>) | ICOPE dilaksanakan | 2025 - 2030 |

6.0 KESIMPULAN



Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas (PTPKWE) 2023-2030 KKM ini merupakan dokumen pelan tindakan yang dikemas kini dan akan menjadi rujukan hala tuju perkhidmatan kesihatan warga emas KKM bagi tempoh lapan tahun iaitu 2023-2030. Ia disediakan dengan menetapkan hala tuju yang jelas dan komprehensif agar aspirasi yang diinginkan dapat dicapai sejajar dengan matlamat Rancangan Malaysia dan kesiapsediaan Negara Malaysia menempuh cabaran Negara Tua pada tahun 2030.

Adalah diharapkan PTPKWE 2023-2030 ini akan menjadi rujukan kepada semua pihak di KKM untuk membangunkan aktiviti dan program masing-masing bagi perkhidmatan kesihatan warga tempoh lapan tahun akan datang.

Penasihat:

Datuk Dr Norhayati binti Rusli
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr Mohd Safiee bin Ismail
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarang:

Dr. Noraliza binti Noordin Merican
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Ketua Sektor Kesihatan Warga Emas
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Rahimah binti Ibrahim
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Ketua Sektor Kesihatan Warga Emas (Mantan)
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pembantu Pengarang:

Dr. Sheleaswani binti Inche Zainal Abidin
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Sektor Kesihatan Warga Emas
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tn. Hj. Aziz bin Yaacob
Penyelia Penolong Pegawai Perubatan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Nurhayati Mardiah binti Manut
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Siti Hajar binti Abdul Rahman
Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tn. Hj. Zainudin bin Seman
Ketua Penyelia Penolong Pegawai
Perubatan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Senarai Penyumbang:

Encik Chua Choon Hwa
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)
Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga
& Masyarakat

Dr. Azman bin Yacob
Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Hjh Farina binti Zulkernain
Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Teh Hoon Lang
Pakar Geriatrik
Hospital Sultanah Bahiyah
Alor Setar, Kedah

Dr. Faridah binti Abu Bakar
Pengarah (Mantan)
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Cheah Wee Koo
Pakar Geriatrik
Hospital Taiping
Perak

Dr. Saidatul Norbaya binti Buang
Timbalan Pengarah (Kesihatan Keluarga)
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Radziah binti Abdul Rashid
Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Karak
Pahang

Dr. Rokiah binti Mohd
Mantan Timbalan Pengarah
(Kesihatan Keluarga)
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Sally Suriani Ahip
Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Kota Samarahan
Sarawak

Dr. Noraliza binti Noordin Merican
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Ketua Sektor Kesihatan Warga Emas
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Rima Marhayu binti Abdul Rashid
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Sheleaswani binti Inche Zainal Abidin
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Sektor Kesihatan Warga Emas
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Salimah binti Othman
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Ho Bee Kiau
Pakar Perunding Kesihatan Keluarga
Klinik Kesihatan Bandar Botanik

Dr. Kawseiyah Juval
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Yau Weng Keong
Pakar Perunding Perubatan & Geriatrik
Hospital Kuala Lumpur

Dr. Nuryastri binti Md. Mustafa
Pakar Pergigian Kesihatan Awam
Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

YAM Dato' Dr. Tunku Muzafar Shah
bin Tunku Jaafar
Pakar Perunding Perubatan & Geriatrik
Hospital Selayang

Dr. Rosnah binti Ramly
Ketua Sektor CVD-DM Kanser
Intervensi NCD
Bahagian Kawalan Penyakit

Dr. Noor Hazana binti Harrun
Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Pandamaran

Dr. Puteri Aida Alyani binti Mohamed Ismail
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Muhammad Solihin bin Rezali
Pegawai Perubatan
Institut Kesihatan Umum
Kementerian Kesihatan

En. Fun Weng Hong
Pegawai Farmasi
Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Nor Saleha binti Ibrahim
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Mohammad Fadzly bin Marzuki
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Siti Masnira binti Jamian
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Kulvinder Singh A/L Gulcharan Singh
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Nurhafizah binti Sahidan
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Rozalina binti Ismail
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Muna Zahira binti Mohd Yusoff
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Amal Farhana binti Adenan
Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

En. Mohd Aqbal bin Ghazali
Ketua Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Nurhafizah binti Sahidan
Penolong Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Melor binti Selar
Pegawai Pendidikan Kesihatan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Ainan Nasrina binti Ismail
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Khairul Zarina binti Mohd Yusop
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Nurhidayatun Fadillah binti Mohd Nor
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan
